





[MoU/MoA](#)

UMPSA dan PTNP jalin kerjasama strategik lestarikan alam sekitar

5 February 2026

PEKAN, 4 Februari 2025 – Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Perbadanan Taman Negeri Pahang (PTNP) memeterai kerjasama strategik bagi memperkukuh bidang penyelidikan, akademik dan latihan teknikal berkaitan kelestarian alam semula jadi dalam majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Pejabat Daerah dan Tanah Pekan hari ini.

“Komuniti ini perlu diuruskan dengan sistem yang sistematik bagi memastikan kejayaan program yang berpanjangan.

“Saya berharap melalui kerjasama ini, pihak UMPSA dapat membantu PTNP merangka modul-modul praktikal yang boleh diguna pakai terus di lapangan.

“Gabungan kepakaran akademik dan pengurusan sumber alam ini amat penting bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang memberi impak nyata kepada komuniti,” katanya.

Majlis turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Pahang, YB. Dato' Sri Nazri Abu Bakar; Pegawai Kewangan Negeri Pahang, YB. Dato' Indera Haji Fadzilla Haji Salleh; Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, YB. Dato' Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang, YB. Dato' Haji Mohammad Fakhruddin Mohd. Ariff, Penolong Naib Canselor (Pembangunan) Jabatan Canseleri UMPSA, Profesor Dr. Mahadzir Ishak@Muhammad, Pengarah Pusat Pembangunan Kelestarian UMPSA, Dr. Suhaidah Hussain, dan Pegawai Operasi PTNP, Nurul Aida Zawakhir.

Disediakan Oleh: Naqiah Puaad, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

[Perbadanan Taman Negeri Pahang](#)

- 123 views

[View PDF](#)